

R B391 BAH
MAHATHIR - PEMUDA (ULANGAN MEMBETULKAN PERENGGAN KETIGA)

KUANTAN, 24¹⁰ APRIL (BERNAMA) -- PERGERAKAN PEMUDA UMNO AKAN DIBERI PERANAN YANG LEBIH BERAT DALAM PERSIAPAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

SELAMA INI KATANYA, PERGERAKAN PEMUDA ITU MEMANG DIBERI PERANAN YANG +CUKUP BERAT+ TETAPI KALI INI MEREKA AKAN DIBERI PERANAN YANG LEBIH BERAT LAGI.

+SEBAB ITU KALI INI KITA BERI PENJELASAN YANG CUKUP (KEPADA MEREKA) DAN MEREKA DIMINTA MENYUSUN JENTERA PILIHAN RAYA PARTI DENGAN LEBIH BAIK, TELITI SERTA LEBIH AWAL,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR, TAN SRI KHALIL YAAKOB, DI SINI.

SEBELUM ITU BELIAU TELAH BERBUKA PUASA BERSAMA-SAMA PARA ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO PAHANG, SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP SELAMA LEBIH DUA JAM DENGAN MEREKA DI BANGUNAN UMNO, DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SELEPAS LAWATANNYA KE EMPAT BUAH NEGERI (KELANTAN, TERENGGANU, PERAK DAN PAHANG) SEBELUM INI, BELIAU MENDAPATI BAHAWA PERGERAKAN PEMUDA UMNO PADA UMUMNYA SUDAH BERSIAP SEDIA BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM. -- LAGI

2055MST 24 04 90

R B394 BAH
MAHATHIR - PEMUDA 2 KUANTAN

BELIAU BERKATA, PILIHAN RAYA UMUM BOLEH DIADAKAN PADA BILA-BILA MASA SAHAJA, DAN YAKIN ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO AKAN DAPAT BERGERAK DENGAN CUKUP BERKESAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, HASIL TINJAUANNYA KE EMPAT-EMPAT BUAH NEGERI BERKENAAN, BELIAU DAPATI KESEMUA PERGERAKAN PEMUDANYA SUDAH TERSUSUN, +CUMA DI NEGERI YANG DILAWATI OLEH ENCIK GHAFAR (TIMBALAN PRESIDEN UMNO), ADA SEBUAH NEGERI TIDAK BEGITU TERSUSUN DAN MUNGKIN TIDAK BEGITU CUKUP LAGI PERSEDIAANNYA+.

BELIAU ENGGAN MENYEBUT NEGERI MANAKAH YANG DIMAKSUDKANNYA ITU. MENGENAI SARANAN KETUA PENERANGAN PAS, HAJI SUBKY LATIF MEMINTA BAKAL HAJI MEMBATALKAN HASRAT MEREKA UNTUK MENUNAIKAN HAJI MUSIM INI SUPAYA DAPAT MENYERTAI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, YANG MENURUT JANGKAANNYA AKAN DIADAKAN PADA BULAN JUN, BERSAMAAN DENGAN BULAN HAJI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +MEMANG INI DASAR PAS, IA LEBIH PENTINGKAN PARTINYA DARIPADA KEPENTINGAN AGAMA. KITA TIDAK HAIRAN DIA BUAT KENYATAAN SEUMPAMA ITU+.

MENURUTNYA, MEMANG SEJAK DAHULU LAGI UMNO SEDAR TENTANG CARA-CARA PAS YANG TIDAK MENURUT KEHENDAK ISLAM DAN IA (UMNO) TIDAK HAIRAN, PAS KINI (MENGELUARKAN KENYATAAN ITU) MENGUTAMAKAN PILIHAN RAYA DARIPADA KEHENDAK ISLAM SEBENARNYA. -- LAGI

2104MST 24 04 90

D159

R B399 BAH
MAHATHIR - PEMUDA 3 KUANTAN

+MUNGKIN ORANG YANG HENDAK MENGERJAKAN HAJI ITU -- INI MERUPAKAN KALI TERAKHIR BAGINYA (BERPELUANG MENUNAIKAN HAJI), TETAPI KERANA KEPENTINGAN PARTI, PAS MEMINTA MEREKA MEMBATALKAN NIAT UNTUK MENUNAIKAN HAJI ITU,+ KATANYA.

KETIKA DIKEMUKAKAN SOALAN BAHAWA HAJI SUBKY JUGA TELAH MENYARANKAN AGAR KERAJAAN TIDAK MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM PADA MUSIM HAJI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PAS TIDAK BOLEH BERANGGAPAN BAHAWA HANYA PENYOKONGNYA YANG PERGI MENUNAIKAN HAJI.

+SAYAPUN MASA BUAT HAJI DAHULU, MASIH LAGI DALAM UMNO BUKAN DALAM PAS,+ KATANYA.

MENGENAI CALON UMNO PADA PILIHAN RAYA UMUM NANTI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TELAHPUN MEMPUNYAI BENTUK CALON YANG DIKEHENDAKINYA TETAPI BELUM TENTUKAN CALON-CALON TERSEBUT. CALON YANG MENURUT BENTUKNYA ITU KATANYA, IALAH MEREKA YANG BOLEH BERKHIDMAT KEPADA NEGARA DAN PARTI, MEMPUNYAI PENGALAMAN, POPULAR DAN DIHORMATI.

PADA PERJUMPAAN TERTUTUP DI BANGUNAN UMNO ITU, KIRA-KIRA 200 ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA UMNO DARI SELURUH PAHANG MENGHADIRINYA. YANG TURUT HADIR IALAH TAN SRI KHALIL SERTA KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK. -- BERNAMA

2121MST 24 04 90

D442